

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO (BATU KAWAN)**

**SOALAN**

**PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [ BATU KAWAN ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan PATI yang ditahan semasa Perintah Kawalan Pergerakan sejak 18 Mac mengikut kewarganegaraan, umur, jantina, tempat tahanan, status visa dan kesalahan serta bilangan PATI yang telah dihantar pulang ke negara asal serta apakah persetujuan di antara Kerajaan Malaysia dan kedutaan untuk proses penghantaran balik PATI yang ditahan dan kos penerbangan dan sebagainya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikuatkuasakan bermula pada 18 Mac 2020 bagi membendung penularan wabak Covid-19 di seluruh negara. Bagi tempoh pelaksanaan PKP tersebut, jumlah tahanan warga asing di 14 buah Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara yang direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada 27 Julai 2020 adalah seramai 15,531 orang.

Pecahan tahanan tersebut mengikut warganegara adalah seperti berikut :

| Bil. | Warganegara | Jumlah (orang) |
|------|-------------|----------------|
| 1.   | Indonesia   | 5,529          |
| 2.   | Myanmar     | 4,002          |
| 3.   | Bangladesh  | 2,647          |
| 4.   | India       | 815            |
| 5.   | China       | 481            |
| 6.   | Vietnam     | 643            |
| 7.   | Thailand    | 309            |
| 8.   | Filipina    | 315            |
| 9.   | Nepal       | 176            |
| 10.  | Pakistan    | 180            |
| 11.  | Kemboja     | 116            |
| 12.  | Nigeria     | 81             |
| 13.  | Lain-lain   | 237            |

Manakala bagi tempoh pelaksanaan PKP tersebut, jumlah penghantaran pulang tahanan yang berada di Depot Tahanan Imigresen adalah seramai 7,411 orang.

**NO.SOALAN : 191**

Pecahan tahanan yang dihantar pulang mengikut warganegara adalah seperti berikut :

| <b>Bil.</b> | <b>Warganegara</b> | <b>Jumlah (orang)</b> |
|-------------|--------------------|-----------------------|
| 1.          | Indonesia          | 4,424                 |
| 2.          | Thailand           | 728                   |
| 3.          | India              | 562                   |
| 4.          | Pakistan           | 473                   |
| 5.          | Myanmar            | 392                   |
| 6.          | Bangladesh         | 284                   |
| 7.          | China              | 263                   |
| 8.          | Cambodia           | 97                    |
| 9.          | Nepal              | 72                    |
| 10.         | Nigeria            | 42                    |
| 11.         | Lain-lain          | 74                    |

Proses pengusiran tahanan ke negara asal termasuklah pengesahan dan penyediaan dokumen perjalanan oleh Perwakilan Asing serta keupayaan kewangan bagi pembiayaan tiket perjalanan pulang ke negara asal. Kos logistik bagi tujuan pengusiran tersebut ditanggung sendiri oleh tahanan, majikan atau pihak Perwakilan Asing masing-masing. Walau bagaimanapun, Kerajaan menanggung perbelanjaan perkhidmatan pengangkutan bas bagi tujuan pengusiran keluar tahanan dan juga kos makan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**

**SOALAN NO. 192**

**PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit yang mengidap kanser mengikut jantina, jenis, umur dan negeri sehingga kini dan bagaimanakah pihak Kerajaan membantu golongan yang kurang bernasib baik atau dari golongan B40 untuk membantu mereka mendapat rawatan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Sejumlah 218,745 kes kanser baharu telah disahkan di dalam Daftar Kanser Kebangsaan di Institut Kanser Negara, Putrajaya bagi tempoh 10 tahun mulai tahun 2007 sehingga 2016. Di samping itu, terdapat 52,283 lagi kes telah dilaporkan di antara tahun 2017 sehingga 2019 dan data ini masih di peringkat pengesahan.
  
2. Berdasarkan laporan 5 tahun kedua yang diterbitkan pada tahun 2019 iaitu dengan izin *Malaysia National Cancer Registry Report* (MNCR) 2012-2016, sebanyak 63,733 kes atau 55.3 peratus adalah dilaporkan di dalam kalangan kaum perempuan manakala 51,505 kes atau 44.7 peratus adalah kes di dalam kalangan kaum lelaki. Bilangan kes kanser yang tinggi bagi kaum perempuan adalah terdiri dari kumpulan berumur di antara 45 tahun dan 69 tahun (38,437 atau 60.3 peratus dari jumlah keseluruhan dalam kaum perempuan), dan bagi

## SOALAN NO. 192

kaum lelaki adalah dari kumpulan berumur 60 tahun ke atas (27,831 atau 54.0 peratus dari jumlah keseluruhan dalam kaum lelaki).

3. Lima jenis kanser yang paling utama dilaporkan dalam kalangan rakyat Malaysia ialah kanser payudara (21,925 kes), kanser kolorektal (15,515 kes), kanser paru-paru (11,256 kes), limfoma (5,830 kes) dan kanser *nasopharynx* (4,597 kes). Bilangan mengikut negeri pula menunjukkan lima negeri dengan bilangan tertinggi ialah Johor (16,434 kes), Selangor (14,784 kes), Perak (12,205 kes), Penang (10,710 kes) dan Sarawak (10,297 kes).
4. Untuk rawatan kes-kes kanser, Kerajaan telah menyediakan Perkhidmatan Radioterapi dan Onkologi di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh negara.
5. Pada masa ini terdapat 6 buah pusat rawatan kanser di Malaysia iaitu Institut Kanser Negara (IKN), Hospital Kuala Lumpur, Hospital Pulau Pinang, Hospital Sultan Ismail, Johor Bharu, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Likas dan Hospital Umum Sarawak, Kuching. Selain itu, perkhidmatan rawatan kimoterapi untuk pesakit kanser juga ada disediakan di hospital-hospital KKM.
6. Di samping itu, KKM juga menyumbang luar perkhidmatan rawatan kanser dari 5 buah hospital swasta bagi rawatan *Radical Radiotherapy*, *Palliative Radiotherapy* dan *Brachytherapy*.
7. KKM juga dalam perancangan membina dua lagi pusat rawatan Kanser, iaitu di Zon Utara (Hospital Sungai Petani) dan di Zon Timur (Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan) yang telah dicadangkan di dalam RMK12 dan kertas kerja bagi cadangan ini sedang disediakan.
8. Antara mekanisma lain yang dilaksanakan oleh KKM bagi membantu pesakit kanser adalah seperti:
  - a) Tabung Bantuan Perubatan (TBP) oleh KKM iaitu Tabung Wang Amanah yang digunakan untuk pesakit yang tidak berkemampuan. Tabung Bantuan Perubatan ini dapat

## SOALAN NO. 192

membantu pesakit dan menampung kos pembelian peralatan perubatan, implan perubatan, peralatan rehabilitasi & prostesis dan ubat-ubatan secara *one off* mengikut Garis Panduan yang ditetapkan. Pemohon terdiri daripada warganegara Malaysia dan telah disaring oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan di Hospital Kerajaan sebelum dirujuk ke TBP. Pegawai Kerja Sosial Perubatan memainkan peranan yang penting dalam proses menyaring pesakit yang benar-benar layak berdasarkan penilaian sosioekonomi yang dijalankan sama ada merujuk penama kepada pihak PeKaB40, TBP atau agensi luar yang berkaitan dengan keperluan pesakit.

- b) Penetapan kadar caj maksimum bagi pesakit Kelas 3 yang tidak melebihi RM500 bagi setiap kali dimasukkan ke hospital untuk semua pesakit termasuk pesakit kanser. Pesakit kanser warga emas diberi pengecualian caj pendaftaran Jabatan Pesakit Luar. Pengurangan caj boleh juga dilaksanakan selepas pesakit dirujuk kepada Pegawai Kerja Social Perubatan bagi menentukan tahap sosio ekonomi mereka.
- c) Pesakit kanser boleh dirujuk kepada Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (di Bawah Persatuan Pegawai Pembangunan Masyarakat Perubatan Malaysia) bagi mendapatkan bantuan peralatan (termasuklah ubat-ubatan dan kerusi roda). Bantuan kewangan segera boleh diberi dalam situasi kecemasan dan krisis semasa, Selain itu, pesakit boleh dirujuk bagi mendapatkan bantuan di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.